KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 19.1.2022_14



ANTARA pesalah yang ditangkap dalam OBK yang diadakan di seluruh hutan negara. – FOTO IHSAN PERHILITAN

Johor catat kes tertinggi tahun lalu

Perhilitan rampas RM31 juta hidupan liar

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sepanjang tahun lalu menyaksikan sejumlah 73 kes direkodkan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan Johor paling tinggi iaitu sebanyak 20 kes.

Menurut Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), ia diikuti Selangor dengan 11 kes, Pahang dan Kelantan (masing-masing 10), Negeri Sembilan (lapan), Perak (enam), Kedah dan Pulau Pinang (masing-masing tiga) serta Terengganu (dua).

"Selebihnya iaitu Perlis, Melaka serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula tiada sebarang kes dengan 12 siri OBK dilaksanakan sepanjang tahun lepas," katanya menerusi laman sosial rasmi Facebook kelmarin.

Operasi itu dilancarkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada 3 September 2019 untuk pembanterasan pencerobohan, pembalakan haram dan pemburuan hidupan liar tanpa permit.

Ia melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan antaranya polis, kastam, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, perbadanan taman negeri dan badan bukan kerajaan.

Meskipun baru diperkenalkan, OBK sudah meraih Anugerah Penguatkuasaan Alam Sekitar Asia 2020 dianjurkan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa Bersatu pada 17 Februari 2021.

Mengulas lanjut, Perhilitan berkata, seramai 133 pesalah ditahan dan didakwa di mahkamah tahun lalu dengan 121 individu daripadanya merupakan penduduk tempatan.

Turut terlibat, lima rakyat Kemboja, empat lagi Myanmar serta masing-masing seorang warga Indonesia, Pakistan dan Thailand dengan melibatkan sebanyak 75 kertas siasatan.

OBK yang merupakan sebahagian Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti atau BP3, turut merekodkan rampasan hidupan liar dengan nilai berjumlah RM31.9 juta pada tahun lalu.

Sebanyak 303 jerat haram turut dimusnahkan, manakala 59 khemah pendatang asing tanpa izin turut dikesan menerusi operasi tersebut dengan setiap satunya itu mengambil masa 13 hari.

Kes disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.